

# Rakyat nanti siapa jadi Timbalan MB

KOTA BHARU, Isnin — Upacara mengahkut sumpah oleh Menteri Besar, Datuk Haji Mohamad Yaakob, dan ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri Kelantan yang dijangka esok merupakan saat yang dinantikan oleh rakyat negeri ini, khususnya kalangan politik.

Mereka akan mengetahui siapakah tokoh yang akan dilantik sebagai Timbalan Menteri Besar yang baru menggantikan Datuk Haji Hussein Ahmad.

Setakat ini, *Berita Harian* difahamkan, perlantikan semula Datuk Haji Mohamad sebagai Menteri Besar Kelantan telahpun di restui oleh pucuk pimpinan Barisan Nasional pusat.

Sehingga ini, kalangan politik di negeri ini sukar meramalkan siapakah di antara Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan yang akan diberi tang-

gungjawab sebagai Timbalan Menteri Besar baru.

Ini, menurut mereka, disebabkan kebanyakan Ahli Dewan Undangan Negeri dari UMNO adalah tokoh-tokoh yang berkaliher untuk jawatan berkenaan.

Bagaimanapun, dua tokoh UMNO disebut sebagai layak untuk jawatan Timbalan Menteri Besar itu.

Mereka ialah Encik Ariffin Said, bekas pengurus besar KESEDAR yang memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Manik Urai dan Ustaz Jailani Jaafar, Ahli Dewan kawasan Cherang Ruku.

Encik Ariffin yang mempunyai kelulusan sarjana dalam bidang pentadbiran, mempunyai pengalaman luas dalam bidang pentadbiran dan sebelum menjadi pengurus besar KESEDAR, pernah

memegang jawatan penting dalam Kerajaan termasuk ketua pengarah FAMA dan Pegawai Daerah.

Manakala Ustaz Jailani yang juga berkelulusan universiti pula merupakan seorang tokoh politik tempatan yang berpengalaman dan tidak asing lagi di negeri ini.

Barisan EXCO juga dijangka mengandungi muka-muka baru dari UMNO, berikutan perubahan jumlah kerusi Dewan Undangan Negeri antara UMNO dan Berjasa.

Berjasa yang cuma memenangi empat kerusi dijangka mendapat dua dari tiga kerusi EXCO yang dipegangnya sebelum ini.

Ini bererti kerusi yang kosong itu akan diberi kepada UMNO. Di samping itu, dalam pilihanraya lalu dua ahli EXCO dari UMNO, Encik Lat

Kassim dan Encik Mohamad Hussein tidak bertanding semula.

Sekiranya ahli-ahli EXCO dari UMNO yang lain dikekalkan, muka-muka baru akan dilantik untuk mengisi dua kerusi EXCO yang kosong itu.

Tokoh dari Berjasa yang disebut-sebut dipilih ialah Wan Hashim Wan Ahmad (EXCO sekarang), Haji Daud Yatimee (bekas Speaker) dan muka baru Ustaz Abdul Ghani Mahmud (Tendong).

Manakala tokoh dari UMNO pula yang dijanggap layak ialah Haji Abdul Ghani Abu Bakar (Gua Musang) dan Raja Mahmud Raja Mamat (Bandar Pasir Puteh).

Yang lainnya ialah Encik Ariffin Mahmood (Ketereh), Tengku Noor Asiah (Sungai Pinang), Encik Ibrahim Mohamad (Bandar Machang) dan Haji Hassan Haji Ismail (Bandar Pasir Mas).